

# **PENGETAHUAN ETIKA PERGURUAN DALAM KALANGAN GURU PELATIH: TINJAUAN DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU**

*Lew Moi Mooi, Lim Zek Chew & Edna Wellington*

## **Abstrak**

*Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengetahuan tentang etika perguruan dalam kalangan guru pelatih Semester 8 Pengkhususan Pendidikan Muzik Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di salah sebuah Institut Pendidikan Guru di Kuala Lumpur. Dua instrumen telah digunakan iaitu pro forma kursus yang memberi pendedahan tentang etika perguruan dan soal-selidik berbentuk soalan terbuka. Hasil analisis dokumen secara induktif berdasarkan pendekatan kualitatif menunjukkan bahawa maklumat tentang etika perguruan diajar secara rasmi dalam komponen Pengajian Profesional dan Amalan Profesional yang ditawarkan dalam latihan keguruan. Penelitian dokumen didapati kurang memberi pendedahan secara mendalam kepada guru pelatih tentang etika perguruan. Analisis data soal selidik telah menunjukkan bahawa kebanyakan guru pelatih mempunyai pengetahuan etika perguruan yang minima. Dapatan kajian memberi implikasi bahawa nilai etika haruslah dipupuk bukan sahaja melalui kursus Pengajian Profesional dan Amalan Profesional sahaja. Etika perguruan perlu diterapkan ke dalam pengajaran dan pembelajaran dalam program pendidikan guru supaya guru pelatih dapat mengetahui lebih mendalam tentang akauntabiliti guru. Justeru, adalah dicadangkan bahawa satu kursus spesifik tentang etika perguruan perlu dikendalikan dalam kurikulum pendidikan guru supaya guru pelatih dapat menghayati dan mengamalkan prinsip etika dalam tugasnya sebagai seorang pendidik.*

**Kata kunci:** *etika perguruan, pro forma, guru pelatih, dilema etika, amalan profesional*

## **Pendahuluan**

Dalam abad ke 21 ini, guru mempunyai tanggungjawab yang amat besar. Peranan guru bukan sekadar memberi pendidikan dan menyampaikan ilmu sahaja. Guru berperanan untuk membimbing dan mendidik murid-murid supaya menjadi insan yang berpekeriti mulia dan sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni. Pengetahuan etika perguruan yang berlandaskan nilai-nilai akhlak mulia dapat membantu guru memainkan peranan yang begitu mencabar dalam dunia pendidikan. Etika profesion perguruan telah dijadikan sebagai panduan untuk tingkah laku dan pegangan guru semasa membuat keputusan dalam konteks pendidikan. Melalui etika perguruan inilah masyarakat boleh menganalisis, menilai serta menentukan sama ada tingkah laku guru telah mematuhi peraturan yang ditetapkan atau sebaliknya (Akhiar, Shamsina & Muhamad Kushairi, 2012).

## **Etika Perguruan Malaysia**

Etika perguruan Malaysia pada asasnya adalah berlandaskan kepada Etika Kerja Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang berdasarkan prinsip-prinsip berikut:- Niat yang betul, Perlakuan yang baik, Penggerak ke arah Kebaikan, Memperkotakan apa yang dikatakan dan Berdisiplin dan Beradab (Akhiar, Shamsina & Muhamad Kushairi, 2012;

Noriati, Boon & Wong, 2010). Etika perguruan juga dinyatakan dalam Standard Guru Malaysia (SGM) di mana SGM menggariskan kompetensi professional yang patut dicapai oleh guru. Oleh itu pendidikan guru diharap dapat melatih guru untuk mencapai kompetensi dalam 3 standard iaitu amalan nilai profesionalisme keguruan (Standard 1), pengetahuan dan kefahaman (Standard 2), serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran (Standard 3). Standard 1 memperincikan kompetensi Amalan nilai profesionalisme keguruan berdasarkan domain diri, profesion dan sosial, yang patut ada pada seseorang guru. (Bahagian Pendidikan Guru, 2008).

Berikutannya, Kod Etika Perguruan bermaksud satu set tingkah laku atau tanggungjawab guru terhadap masyarakat dan negara, pelajar, rakan sejawat dan ibu bapa pelajar (Akhiar, Shamsina & Muhamad Kushairi, 2012). Ia melafazkan iltizam etika yang tersirat dan mengarah tingkah laku profesional guru-guru. Setiap kod etika dalam profesion keguruan juga menetapkan tugas-tugas dan tanggungjawab spesifik yang perlu dilaksanakan oleh guru-guru kepada pelbagai pihak dalam komuniti dan masyarakat setempat (Ragbir, 2012). Kod Etika Perguruan menyatakan dengan jelas tentang tanggungjawab guru terhadap pemegang amanah dalam bidang pendidikan (Noriati, Boon & Wong, 2010). Sehubungan itu, Kod Etika Perguruan ini dipaparkan di halaman depan buku persediaan mengajar dan disediakan dalam bentuk ikrar agar semua guru akan mematuhi dan menjaga imej profesion keguruan. Kod Etika Perguruan diwartakan dalam Tatasusila Profesion Perguruan yang telah diterima sebagai panduan membolehkan guru menyempurnakan profesion ke taraf kesusilaan yang setinggi-tingginya. Dalam Tatasusila ini, terdapat empat aspek tanggungjawab yang perlu dipikul oleh seseorang guru, iaitu tanggungjawab terhadap pelajar, tanggungjawab terhadap ibubapa, tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara dan tanggungjawab terhadap rakan sejawat dan profesion keguruan (Akhiar, Shamsina & Muhamad Kushairi, 2012; Noriati, Boon & Wong, 2010). Menerusi Kod Etika Perguruan, guru diharap dapat meningkatkan lagi imej profesion perguruan secara hitam putih dan secara rasmi (Akhiar, Shamsina & Muhamad Kushairi, 2012). Selain itu, Kod Etika Perguruan membuka mata masyarakat untuk menghayati tanggungjawab guru yang luas dan berat dan menyokong guru dalam mencapai matlamat pendidikan dan negara. Setiap guru wajib memahami Kod Etika Perguruan sebagai landasan dan arah pandu dalam membangunkan negara bangsa.

### **Pernyataan Masalah**

Mengapa guru pelatih kurang menunjukkan amalan etika dalam banyak situasi? Ini mungkin disebabkan etika kurang dihayati atau difahami oleh setengah-tengah guru pelatih (Bok, 2006; Reiman & Peace, 2002). Melalui pemerhatian dan rekod tatatertib guru pelatih, didapati tingkah laku etika segelintir guru pelatih perlu diberi keperihatinan. Tingkah laku kurang beretika seperti menyeleweng dalam peperiksaan, meniru atau plagiat dalam kerja kursus dan pelbagai tingkah laku kurang senonoh sering berlaku di Institusi Pendidikan Guru (IPG). Kebanyakan pensyarah berusaha untuk mendidik guru pelatih supaya menjadi guru yang berpengetahuan, reflektif dan menghayati etika perguruan. Pensyarah beranggapan bahawa prinsip-prinsip etika telah diterap secara semula jadi melalui pembelajaran dalam kursus pendidikan guru (Bok, 2006). Namun, pengajaran pengetahuan etika seolah-olah dipandang ringan dalam pendidikan guru (Revell & Arthur, 2007). Dalam tinjauan yang dijalankan oleh Verrinder (2007) menunjukkan bahawa guru pelatih kurang keyakinan dan keupayaan untuk membincang dan membahas isu etika berdasarkan pengetahuan etika yang mereka ada. Dua pertiga daripada guru pelatih dalam kajian Verrinder (2007) berpendapat mereka kurang strategi dan sumber yang berkesan untuk mengatasi dilema berkaitan dengan etika di dalam bilik darjah.

Dalam pada itu, Anderson et al. (2007) mencadangkan bahawa pendidikan guru perlu memberi fokus untuk memperbaiki tahap pengetahuan etika guru pelatih untuk

menggalakkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti. Ini adalah kerana pengajaran sebenarnya adalah satu proses etika juga dan guru sentiasa perlu membuat keputusan berkaitan dengan etika dalam kerja-kerja harian mereka. Segala keputusan yang guru buat apabila berhadapan dengan dilema etika di dalam bilik darjah akan menggambarkan etika perguruan yang dipegang oleh guru berkenaan (Connors, 2002; Durbridge, 2004; Totterdell, 2000). Justeru, adalah penting untuk mengkaji kandungan kursus etika yang ditawarkan dalam IPG dengan melihat sistem nilai dan etika yang diajar kepada guru pelatih dan pengetahuan etika yang dimiliki oleh guru pelatih. Tambahan pada itu, pandangan guru pelatih apabila berhadapan dengan dilema berkaitan dengan etika juga perlu dikaji. Dapatan kajian boleh dijadikan panduan untuk merancang strategi bagi memberi pendedahan tentang penaaakuan etika dalam kalangan guru pelatih.

### **Objektif Kajian**

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengetahuan etika perguruan dalam kalangan guru pelatih Semester 8 Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Dapatan kajian akan memberi maklumat tentang kesediaan dan keyakinan guru pelatih untuk menangani isu etika apabila mereka bertugas di sekolah kelak. Justeru, persoalan kajian ialah:

1. Apakah pengetahuan etika perguruan yang diterapkan dalam diri guru pelatih?
2. Apakah pandangan guru pelatih apabila berhadapan dengan dilema etika?

### **Metodologi**

Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data secara kualitatif. Analisis dokumen telah dilakukan dengan meneliti pro forma kursus yang berkaitan dengan etika perguruan dan laporan-laporan lain yang berkaitan bagi meninjau pendedahan pengetahuan etika kepada guru pelatih. Selain itu, kaedah soal selidik berbentuk soalan terbuka telah dikendalikan untuk mengkaji isu ini secara mendalam. Prosedur pengumpulan data bermula dengan analisis kandungan pro forma kursus yang mempunyai liputan kandungan pendidikan etika. Kemudian, soalan-soalan dalam soal selidik dibina berpandukan kepada pengetahuan sedia ada guru pelatih.

### **Responden**

Responden kajian terdiri daripada 15 orang guru pelatih semester 8 PISMP Pengkhususan Pendidikan Muzik dalam sebuah institut pendidikan guru di Kuala Lumpur. Jumlah guru pelatih dalam semester ini ialah seramai 16 orang. Responden kajian seramai 15 orang dipilih kerana mereka menjawab soal selidik yang mengkaji pengetahuan tentang etika perguruan dan membuat analisis ke atas tindakan watak-watak dalam dilema etika yang disertakan.

### **Instrumen**

Bagi tujuan pengumpulan data, dua instrumen telah digunakan iaitu pro forma kursus yang memberi pendidikan etika dan soal-selidik berbentuk soalan terbuka. Pro forma kursus memaklumkan tentang pengetahuan dan pendedahan dalam aspek etika perguruan yang disampaikan kepada guru pelatih melalui kurikulum pendidikan guru. Sementara itu, soal selidik mengandungi dua bahagian. Bahagian A terdiri daripada tiga soalan yang meninjau pengetahuan guru pelatih tentang konsepsi etika perguruan, pemahaman tentang keperluan guru pelatih untuk mematuhi etika perguruan dan bagaimana etika perguruan mempengaruhi amalan profesional. Bahagian B meliputi empat senario yang berupa dilema etika dalam konteks pendidikan. Kes dilema etika ini bertujuan menilai sama ada guru pelatih menganalisis tindakan watak-watak dalam dilema etika dengan berdasarkan pengetahuan etika perguruan yang mereka peroleh. Respons kepada soal selidik telah

dianalisis untuk mengkaji pengetahuan etika perguruan yang telah diterapkan dalam diri guru pelatih.

### **Dapatan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengetahuan etika perguruan dalam kalangan guru pelatih Semester 8 Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Penelitian dokumen ke atas kurikulum pendidikan guru terutamanya pro forma kursus komponen Pengajian Profesional dan Amalan Profesional telah dilaksanakan. Data soal-selidik dianalisis secara kualitatif untuk menjawab persoalan kajian. Respons kepada soalan terbuka dalam soal selidik yang bersifat kualitatif dianalisis secara induktif bagi memahami pengetahuan etika yang telah diperolehi oleh guru pelatih (Strauss & Corbin, 1990). Tema-tema yang relevan telah dikenalpasti untuk menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian dipaparkan dalam bahagian berikut.

### **Kurikulum Pendidikan Guru Program PISMP yang Memberi Pendedahan secara Eksplisit dan Implisit Tentang Etika Perguruan**

Analisis dokumen telah dilakukan dengan meneliti pro forma kursus program PISMP yang berkaitan dengan etika perguruan bagi meninjau pendedahan pengetahuan etika perguruan kepada guru pelatih. Hasil analisis dokumen menunjukkan maklumat tentang etika perguruan diajar secara rasmi dalam salah satu kursus dalam komponen Pengajian Profesional yang ditawarkan pada semester lapan iaitu kursus Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional (EDU3108). Dalam kursus ini, ia membincangkan konsep etika, akauntabiliti dan kesantunan guru (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Maka, aspek etika perguruan hanya diterapkan dalam topik akauntabiliti keguruan yang memberi fokus kepada akauntabiliti terhadap pelajar, diri dan profesion, ibu bapa serta masyarakat dan negara. Kandungan dalam jenis-jenis akauntabiliti tersebut didapati diwartakan dalam Tatasusila Profesion Keguruan. Tambahan lagi, guru pelatih diberi pendedahan tentang etika perguruan dalam topik Standard Guru Malaysia (Akhiar, Shamsina & Muhamad Kushairi, 2012; Ragbir, 2012).

Selain itu, etika perguruan juga diterapkan menerusi kursus yang terkandung dalam komponen Amalan Profesional iaitu melalui praktikum PRK 3101, PRK3102, PRK3103 dan INT3101. Pro forma Praktikum Fasa I (Semester 5) meliputi topik kesedaran terhadap etika profesion keguruan, Fasa II (Semester 6) pula mengandungi topik penghayatan etika profesion keguruan. Fasa III (Semester 7) dan Internship (Semester 8) masing-masing mempunyai topik amalan etika profesional keguruan (Buku Panduan PISMP, IPGM Jun 2012). Etika perguruan juga diterapkan melalui kursus WAJ3114 Bina Insan Guru. Bina Insan Guru Fasa I hingga Fasa VI memberi fokus kepada kepentingan amalan etika pada fasa tertentu sahaja. Hanya aktiviti BIG pada peringkat Fasa II dan III diberi keutamaan dalam aspek pemupukan nilai etika dalam kalangan guru pelatih.

### **Data Soal-selidik Terbuka**

Data kualitatif telah dianalisis untuk menjawab persoalan kajian 'Apakah pengetahuan etika perguruan yang diterapkan dalam diri guru pelatih? Dua tema utama telah dikenalpasti daripada data tersebut iaitu fungsi etika perguruan dan kualiti diri. Dari aspek fungsi etika perguruan, kebanyakan responden berpandangan bahawa etika perguruan berfungsi sebagai satu garis panduan kepada tingkah laku dan pembentukan sahsiah guru pelatih. Selain itu, etika perguruan juga merupakan satu standard tingkah laku dan nilai-nilai pegangan kepada guru pelatih. Berikut adalah beberapa respons tentang konsepsi etika perguruan.

(ID09) “...garis panduan dalam membentuk sahsiah, tingkah laku dan cara kerja guru..”

“...peraturan yang perlu diikuti untuk meningkatkan prestasi kerja...” (ID 10)

“...menggariskan standard tingkah laku yang harus dipatuhi dan diamalkan oleh guru...” (ID11)

“...nilai-nilai yang menjadi pegangan guru...” (ID15)

Pengetahuan guru pelatih tentang konsepsi etika perguruan dapat dianalisis sebagai pengetahuan tentang kualiti diri guru juga. Kualiti guru meliputi sahsiah yang baik, perwatakan positif, jati diri dan lain-lain. Respons berikut jelas memaparkan tema ini.

“...etika khusus yang perlu ada pada diri setiap individu, termasuk sahsiah dan pakaian yang sesuai...” (ID03)

(ID05) “...garis panduan atau rujukan untuk guru dalam hal peribadi dan jati diri guru..”

“...ciri-ciri yg perlu ada dalam diri seorang guru, sahsiah yang baik dan perwatakan yang positif..” (ID06)

Seterusnya, dua tema utama juga telah dikenalpasti tentang keperluan guru pelatih mematuhi etika perguruan iaitu untuk mendisiplinkan tingkah laku dan sebagai langkah persiapan untuk bertugas sebagai guru kelak. Dari aspek disiplin, kebanyakan responden berpendapat bahawa guru pelatih perlu mematuhi etika perguruan demi mendisiplinkan tingkah laku mereka. Mereka mengatakan bahawa guru pelatih wajar mematuhi etika perguruan untuk menjaga tingkah laku, memelihara maruah profesion perguruan dan menyelesaikan konflik. Dari aspek persiapan untuk masa depan pula, responden berpandangan bahawa mereka wajar mematuhi etika perguruan supaya menjadi guru yang beretika di sekolah. Pandangan sedemikian selaras dengan pemahaman responden tentang konsepsi etika perguruan. Berikut adalah beberapa respons dalam aspek ini.

“...melatih diri utk mengaplikasikan setiap etika semasa menghadapi situasi sebenar di sekolah..” (ID03)

“...menjadi guru yg beretika..”(ID04)

“...membentuk disiplin, menyemai sikap mengikut landasan yang betul sejak awal lagi..”(ID05)

Apabila ditanya tentang bagaimana etika perguruan mempengaruhi amalan profesional, ramai responden tidak dapat memberi respons kepada soalan ini. Walau bagaimanapun, tema yang telah dikenalpasti daripada respons ialah etika perguruan membentuk akhlak dan keperibadian mulia guru pelatih, menyempurnakan amalan profesional dan mendisiplinkan tingkah laku guru pelatih. Berikut disertakan beberapa respons dalam aspek ini.

“...melengkapkan dan menyempurnakan amalan profesional..” (ID05)

“...dapat membentuk akhlak dan keperibadian mulia..” (ID07)

“...mendisiplin diri dan meningkatkan prestasi dalam pengajaran dan pembelajaran..” (ID10)

“...menyedarkan guru tentang nilai-nilai moral atau perkara baik dan buruk yang perlu diamalkan..” (ID15)

Rumusannya, analisis data telah menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai pengetahuan etika perguruan yang rendah. Pemahaman mereka tentang konsepsi etika perguruan berkisar dari aspek kegunaannya. Pandangan tentang keperluan guru pelatih mematuhi etika perguruan ialah untuk mengawal tingkah laku dan membuat persediaan untuk masa depan apabila bertugas sebagai guru. Berikutannya, rasional yang diberikan oleh responden tentang perkaitan antara etika perguruan dan amalan profesional didapati selaras dengan tema utama untuk konsepsi etika perguruan dan keperluan mematuhi etika perguruan. Pandangan responden kepada ketiga-tiga soalan yang ditujukan didapati saling melengkap antara satu sama lain.

### Data kepada Dilema Etika

Secara keseluruhan, data analisis menunjukkan bahawa pandangan responden terhadap tindakan watak-watak dalam dilema etika adalah tidak berpandukan kepada etika perguruan. Respons mereka rata-ratanya berasaskan kepada konsep etika, nilai dan prinsip moral seperti keadilan, kejujuran, kesamarataan dan hormat-menghormati. Tindakan watak-watak dalam dilema etika mungkin dianalisis dan dinilai tanpa melibatkan pengetahuan etika perguruan. Kenyataan ini dibuat berdasarkan respons responden yang kurang memberi justifikasi lengkap kepada analisis mereka. Jadual 1 merumuskan tema-tema yang telah dikenalpasti dalam empat kes dilema etika dalam soal-selidik.

Jadual 1

#### *Analisis Tindakan Watak-Watak dalam Dilema Etika*

Kes	Contoh Respons	Tema-tema yang Dikenalpastikan
Pertama	<ul style="list-style-type: none"><li>• salah dari segi etika perguruan, niat tidak menghalalkan cara</li><li>• tidak mengamalkan/menyalahi etika perguruan</li><li>• melanggar peraturan etika perguruan, tidak sesuai jadi guru</li><li>• tidak profesional, ada unsur plagiat</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• telah bercanggah dengan etika perguruan</li><li>• bersikap tidak jujur</li></ul>
Kedua	<ul style="list-style-type: none"><li>• bercanggah dengan etika perguruan, seharusnya tidak mengabaikan murid bermasalah, cuba mencari penyelesaian lain</li><li>• tidak memberi kesamarataan di dalam kelas, tidak menghormati murid-muridnya</li><li>• bersikap tidak adil terhadap murid dan tidak mengutamakan kebajikan murid</li><li>• tidak boleh memandang ringan kepada murid yang mempunyai masalah yang serius</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• bercanggah dengan etika perguruan</li><li>• tidak adil kepada muridnya tidak memberi kesamarataan</li></ul>

Sambungan Jadual 1

Kes	Contoh Respons	Tema-tema yang Dikenalpastikan
Ketiga	<ul style="list-style-type: none"> <li>• tidak mengamalkan etika perguruan, harus berkhidmat dengan telus dan ikhlas tanpa memandangkan ganjaran yang diberikan</li> <li>• tidak memburukkan nama Cik Ming, Gracia menjatuhkan maruah rakan dan diri sendiri</li> <li>• mencemarkan nama baik /tanggungjawab terhadap rakan sejawat dan profesion</li> <li>• tidak membuat sebarang kenyataan negatif mencemarkan nama baik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• tidak menepati etika perguruan</li> <li>• harus berkhidmat dgn telus dan ikhlas (tidak memilih pelajar, tidak memandangkan ganjaran)</li> <li>• tanggungjawab terhadap rakan sejawat dan profesion</li> </ul>
Keempat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• tidak patut meletakkan jangkaan dan persepsi negatif kepada kumpulan minoriti, perlu memahami keperluan kumpulan minoriti.</li> <li>• seharusnya tidak memandangkan rendah terhadap penguasaan murid-murid</li> <li>• tidak patut melabelkan pencapaian berdasarkan kaum</li> <li>• tidak bersikap perkauman dengan menganggap penguasaan murid minoriti adalah lebih rendah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• bercanggah dengan amalan etika perguruan</li> <li>• patut tidak memandangkan rendah terhadap penguasaan murid-murid, tidak patut melabelkan pencapaian berdasarkan kaum</li> <li>• patut berlaku adil kepada semua murid dan melayan murid-muridnya sama rata</li> </ul>

### Perbincangan dan Kesimpulan

Kajian ini telah meninjau pengetahuan guru pelatih tentang etika perguruan yang telah diterapkan melalui kurikulum pendidikan guru. Analisis dokumen telah dilakukan dengan meneliti pro forma kursus program PISMP yang berkaitan dengan etika perguruan bagi meninjau pendedahan pengetahuan etika perguruan kepada guru pelatih. Hasil analisis dokumen menunjukkan bahawa maklumat tentang etika perguruan diajar secara rasmi dalam komponen Pengajian Profesional dan Amalan Profesional yang ditawarkan dalam latihan keguruan. Penelitian kepada Standard Guru Malaysia (SGM) dan kurikulum etika dalam kurikulum pendidikan guru program PISMP didapati kurang memberi pendedahan secara mendalam kepada guru pelatih tentang etika perguruan. Kekurangan peluang untuk menghayati etika dan memahami kepentingan untuk mengamalkan etika telah menyebabkan pembelajaran etika adalah sekadar untuk menjawab soalan peperiksaan. Strategi pengajaran etika perguruan, interpretasi kandungan pro forma kursus dan bahan rujukan etika perguruan juga boleh mempengaruhi penyampaian pengetahuan etika kepada guru pelatih.

Dalam konteks ini, pro forma dan sinopsis kursus seharusnya mewartakan dengan eksplisit dan jelas nilai-nilai yang perlu dipupuk bersama kandungan kursus dan penilaian kursus dalam aspek berkenaan. Pandangan ini disokong oleh Sockett (1993) yang mengatakan bahawa pengetahuan etika sepatutnya diterapkan dalam kurikulum dan amalan profesional secara eksplisit dalam kandungan kursus pendidikan guru. Justeru, pengajaran dan penghayatan etika perguruan dalam kurikulum pendidikan guru seharusnya dikaji semula supaya guru pelatih mempunyai pengetahuan dan berkemahiran meneliti isu etika dan penaakulan etika secara eksplisit (contohnya, Cummings, Harlow, & Maddux, 2007;

Guy, Spalding, & Westcott, 1961; Yeazell & Johnson, 1988). Aktiviti pengajaran adalah lebih berkesan sekiranya melibatkan perbincangan dan perbahasan yang sesuai tentang prinsip etika terpilih dalam profession perguruan seperti hormat-menghormati, integriti, keperihatinan dan kesabaran dalam bilik darjah dan komuniti sekolah (Benninga, Berkowitz, Kuehn, & Smith, 2006; Brooks & McCarthy, 2001; Ferguson, 1999; Weinberger, 1996). Dalam hal yang sama, walaupun fasa-fasa praktikum mempunyai liputan etika perguruan dalam komponen Profesionalisme Guru, persoalannya ialah setakat mana fasa-fasa praktikum ini memberi pendedahan atau menerapkan etika perguruan dalam amalan profesional guru pelatih.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden tidak mempunyai pengetahuan tentang etika perguruan yang mantap. Respons tentang konsepsi etika perguruan lebih cenderung kepada pengertian etika umum berbanding dengan etika perguruan yang lebih spesifik. Kebanyakan responden berpandangan bahawa etika perguruan berfungsi sebagai satu garis panduan kepada tingkah laku dan pembentukan sahsiah guru pelatih. Konsepsi etika perguruan dapat dianalisis sebagai pengetahuan tentang kualiti diri guru yang meliputi sahsiah yang baik, perwatakan positif, jati diri dan lain-lain. Justeru, pengetahuan etika perguruan responden adalah berkisar kepada konsep etika umum yang menerangkan bagaimana manusia bertingkah laku dalam sesuatu keadaan dan merupakan suatu disiplin ilmu yang mengkaji tentang tindakan manusia yang betul. Pengertian konsep etika ini didapati selaras dengan pengertian etika yang disarankan oleh Akhlar, Shamsina & Muhamad Kushairi (2012).

Sememangnya etika profesion perguruan dijadikan sebagai panduan untuk tingkah laku dan pegangan guru semasa membuat keputusan dalam konteks pendidikan supaya guru boleh menilai dan menentukan sama ada tingkah laku guru telah mematuhi peraturan yang ditetapkan atau sebaliknya (Akhlar, Shamsina & Muhamad Kushairi, 2012; Revell & Arthur, 2007). Segelintir responden berpendapat bahawa guru pelatih perlu mematuhi etika perguruan demi mendisiplinkan tingkah laku mereka. Dalam hal ini, ramai responden tidak dapat berhujah bagaimana etika perguruan mempengaruhi amalan profesional guru. Isu ini turut timbul dalam kajian Verrinder (2007). Kajian beliau menunjukkan bahawa kira-kira dua pertiga daripada guru pelatih kurang keyakinan dan keupayaan untuk membincang dan membahaskan isu etika berdasarkan pengetahuan etika yang mereka ada.

Dalam konteks kajian ini, responden didapati jarang menggunakan prinsip etika perguruan semasa menganalisis tindakan watak-watak dalam dilema etika. Tindakan watak-watak dalam dilema etika mungkin dianalisis dan dinilai tanpa melibatkan pengetahuan etika perguruan. Respons mereka rata-ratanya berasaskan kepada konsep etika, nilai dan prinsip moral seperti keadilan, kejujuran, kesamarataan dan hormat-menghormati. Pandangan mereka seolah-olah berdasarkan pengertian konsep asas etika dan justifikasi kepada respons juga berkisar kepada konsep universal hak asasi manusia iaitu tentang apa yang betul dan salah, perbuatan yang baik dan buruk, perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan, yang patut dan tidak patut dibuat untuk menjaga kepentingan sosial (United Nations, 1949).

### **Implikasi Kajian**

Guru pelatih perlu berdepan dengan tanggapan dan persepsi murid dan masyarakat yang pelbagai terhadap etika profesion keguruan dan amalan profesional seorang pendidik. Nilai etika dan amalan profesional ini haruslah dipupuk dalam program pendidikan guru lagi supaya guru pelatih dapat mengetahui lebih mendalam tentang akauntabiliti seorang guru dalam pelbagai aspek. Nilai etika dan amalan profesional keguruan perlu diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran agar dimanfaatkan kepada murid-murid kelak. Dapatan kajian mencadangkan bahawa satu kursus spesifik perlu dikendalikan dalam kurikulum pendidikan guru supaya memberi pendedahan secara mendalam kepada guru pelatih untuk memahami



tanggungjawab guru kepada murid, ibubapa, rakan sekerja dan komuniti (Revell & Arthur, 2007). Kesedaran kepada etika dalam memartabatkan profesion perguruan perlu datang dari pengetahuan guru pelatih tentang etika perguruan. Kurikulum pendidikan guru perlu mengajar etika perguruan, prinsip etika dan kepentingan mematuhi etika secara terperinci supaya guru dapat membuat refleksi ke atas etika kerja dan mempertahankan etika perguruan. Selain itu, diharap dapatan kajian dapat membantu IPG mengkaji semula kursus-kursus dalam kurikulum pendidikan yang ada sekarang untuk merancang pelaksanaan kursus yang menjadi penerapan etika daripada implisit kepada eksplisit. Pandangan ini disokong oleh etika perguruan negara lain seperti *Standard Guru Queensland*, yang menekankan bahawa guru harus tahu etika perguruan dan amalan profesional yang sesuai dengan etika tersebut (*Queensland College of Teachers*, 2006). Kenyataan umum dalam etika perguruan negara tersebut dijelaskan dengan menyenaraikan tingkah laku eksplisit yang sepatutnya dipertunjukkan telah membantu guru pelatih untuk menghayati keseirasian antara etika perguruan dan amalan profesional seseorang guru.

### Rujukan

- Akhlar Pardi, Shamsina Shamsuddin & Muhamad Kushairi Jusoh. (2012). *Asas kepimpinan dan perkembangan profesional guru*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons.
- Anderson, M. W., Teisl, M., Criner, G., Tisher, S., Smith, S., Hunter, M. et al. (2007). Attitude changes of undergraduate university students in general education courses. *Journal of General Education*, 56(2), 149-168.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2008). *Standard Guru Malaysia*. Bahagian Pendidikan Guru. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Benninga, J. S., Berkowitz, M. W., Kuehn, P., & Smith, K. (2006). Character and academics: What good schools do. *Phi Delta Kappan*, 87(6), 448-452.
- Bok, D. (2006). *Our underachieving colleges: A candid look at how much students learn and why they should be learning more*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Brooks, B. D., & McCarthy, P. J. (2001). Teaching the two Rs: Right and 'wrong'. *Business and Society Review*, 68, 52-55.
- Connors, L. (2002). The values that characterise public schooling: A Thermopylae well worth defending. In S. Pascoe (ed.). *Values in education*. Canberra: Australian College of Educators, 59-70.
- Cummings, R., Harlow, S., & Maddux, C. D. (2007). Moral reasoning of in-service and pre-service teachers: A review of the research. *Journal of Moral Education*, 36(1), 67-78.
- Durbridge, R. (2004). Howard's values lie in funding elite schools. Retrieved 22 April 2004, from [www.theaustralian.news.com.au/commom/story\\_page/](http://www.theaustralian.news.com.au/commom/story_page/)
- Ferguson, A. (1999). Character goes back to school. *Time*, 153(20), 68-70.
- Guy, G. V., Spalding, W. B., & Westcott, H. E. (1961). The role of values in teacher education. *Journal of Teacher Education*, 12(1), 12-17.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Buku Panduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian (PISMP)*, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jun 2012.

- Noriati, A. R., Boon Pong Ying & Wong Kiet Wah (2012). *Asas kepemimpinan dan perkembangan profesional guru*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Queensland College of Teachers. (2006). Professional standards for Queensland teachers. Retrieved 1 January 2013, from <http://www.qct.edu.au/standards/index.html>
- Ragbir Kaur Joginder Singh. (2012). *Panduan ilmu pendidikan untuk DPLI: Falsafah dan etika*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Reiman, A., & Peace, S. D. (2002). Promoting teachers' moral reasoning and collaborative inquiry performance: a developmental role-taking and guided inquiry study. *Journal of Moral Education*, 31(1), 51-66.
- Revell, L., & Arthur, J. (2007). Character education in schools and the education of teachers. *Journal of Moral Education*, 36(1), 79-92.
- Sockett, H. (1993). *The moral base for teacher professionalism*. New York: Teacher College Press.
- Strauss, A. , & J. Corbin. (1990). *Basics of qualitative research: Grounded theory procedures and techniques*. Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- Totterdell, M. (2000). The moralization of teaching: a relational approach as an ethical framework in the professional preparation and formation of teachers. In R. Gardner, J. Cairns, & D. Lawton (eds). *Education for values: morals, ethics and citizenship in contemporary teaching*. London: Kogan Page, 127-146.
- United Nations. (1949). *Universal Declaration of Human Rights 1948*. Geneva: OHCHR.
- Verrinder, J. (2007). *Learning to care: education for compassion*. Brisbane: Griffith University.
- Weinberger, C. W. (1996). One way to fix our schools. *Forbes*, 157(9), 33.
- Yeazell, M. I., & Johnson, S. F. (1988). Levels of moral judgment of faculty and students in a teacher education program: A micro study of an institution. *Teacher Education Quarterly*, 15(1), 61-70.